

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8279

SOALAN:

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan statistik jumlah tangkapan serta
serbuan yang dilakukan terhadap premis kegiatan judi berkomputer
di seluruh negara bagi 2 tahun ini.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) khasnya Jabatan Siasatan Jenayah memandang serius aktiviti perjudian haram terutama yang melibatkan penggunaan Internet di seluruh Negara. Pihak PDRM sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah perjudian ini yang banyak menimbulkan masalah sosial dan menghindari amalan negatif terutama di kalangan golongan remaja. PDRM telah melancarkan operasi khas pada Oktober 2014 di seluruh Negara bagi membanteras kegiatan perjudian sehingga ke akar umbi yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket-sindiket perjudian.

Bagi tahun 2015 (sehingga September), pihak polis telah melaksanakan sejumlah 5,834 serbuan yang berjaya dengan membuat tangkapan seramai 15,154 orang terhadap penganjur dan pemain, serta merampas sejumlah 70,149 mesin atau komputer yang digunakan untuk perjudian. Secara kasar, rampasan yang dibuat berjumlah RM70.1 juta pada anggaran RM1,000 setiap komputer dan peralatannya.

Kementerian melalui PDRM telah mengambil langkah-langkah yang drastik untuk mengekang aktiviti perjudian melalui Internet dengan mengambil inisiatif seperti berikut:-

- i) Sebagai usaha yang lebih berkesan dan memberi impak yang menyeluruh terhadap aktiviti perjudian dan maksiat, PDRM telah menubuhkan pasukan khas iaitu *Special Task Force For Anti Vice, Gaming and Gangsterism (STAGG)* untuk memerangi perjudian dan maksiat yang berlaku dalam Negara.

- ii) PDRM telah mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) 2013 jika tiada keterangan yang kukuh untuk dituduh di mahkamah terhadap individu atau sidiket yang menganjurkan perjudian berkenaan. Sehingga Oktober 2015, seramai 29 individu yang terlibat dalam mengendalikan judi *online* telah disiasat untuk tindakan di bawah POCA dan di bawah Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2003.

- iii) Bagi menentukan aktiviti perjudian ini dapat ditangani sepenuhnya daripada berulang kembali, PDRM telah menubuhkan unit pemantau yang diletakkan di bawah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) bagi memastikan gejala judi haram diperangi sehingga ke akar umbi. Pasukan ini akan memantau semula premis-premis yang pernah diserbu bagi memastikan premis berkenaan tidak kembali menjalankan semula aktiviti mesin perjudian haram.

iv) Bagi penyebaran *SMS* atau *WhatsApp* yang mengiklankan *online casino*, pihak polis sentiasa bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dan Syarikat Telekomunikasi (TELCO) untuk menyekat *website* atau nombor telefon yang mengiklankan jaringan perjudian di Internet atau *SMS*. Bagi tahun 2015, PDRM telah menyenaraikan sejumlah 306 laman web yang berunsurkan perjudian untuk disekat.

Pihak polis sememangnya serius untuk membasmi kegiatan perjudian ini dan kini sedang memantau *Modus Operandi (MO)* baru yang digunakan oleh sindiket-sindiket seperti mengubah lokasi daripada premis perniagaan ke kondominium serta rumah kediaman bagi mengaburi mata pihak penguatkuasa. Selain itu, terdapat juga cubaan sindiket perjudian melalui ejen-ejen. Mereka menjalankan perniagaan mereka dengan menggunakan *tablet* dan *handphone (on demand)* di mana dengan kaedah ini, *tablet* akan diserahkan kepada pemain secara tertutup untuk mendapatkan jaringan perjudian. Cubaan terbaru ini telah berjaya dikesan oleh pihak PDRM dengan beberapa serbuan dan tangkapan yang telah dibuat terhadap taktik terbaru ini.

Usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui OP DADU yang dilakukan secara agresif dan berterusan dilihat dapat mengekang gejala ini dari terus berlaku. Namun demikian, usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa ada penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada

pihak polis di samping orang ramai perlu menghindari aktiviti yang tidak sihat ini. Aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada pemain.